

10 MAY 2001

Mahathir-St Lucia

MAHATHIR GESA PENYATUAN UNTUK HADAPI RUNDINGAN WTO

PUTRAJAYA, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyuarakan harapan supaya Malaysia dan St Lucia serta negara membangun lain dapat memperkukuhkan rundingan dan dialog bagi membolehkan kepentingan mereka disuarakan secara lebih berkesan di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata penyatuan Selatan-Selatan yang akan membolehkan negara-negara membangun bercakap dalam satu suara dan menyelaraskan kedudukan mereka adalah penting dalam konteks rundingan pusingan baru dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Wujud kebimbangan bahawa rundingan pusingan baru membawa keburukan kepada negara-negara membangun," katanya pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri St Lucia, Dr Kenny D. Anthony di Seri Perdana, di sini.

Dr Mahathir berkata negara membangun diminta mengetepikan dasar-dasar keselamatan dalam melindungi ekonomi mereka tapi tiada jaminan bahawa mereka akan mendapat sebarang pulangan substantif.

Beliau berkata sebagai negara membangun yang kecil, Malaysia sentiasa berminat untuk memperkukuhkan hubungan dengan negara membangun lain dan menyifatkannya sebagai kepentingan strategik.

"Kita sudah melihat bagaimana negara membangun yang kecil tidak dihiraukan dan diketepikan pada persidangan global yang penting dalam rundingan mengenai perdagangan, kewangan dan isu-isu kritikal lain.

"Kami sebenarnya menyedari layanan buruk yang anda alami dalam perdagangan pisang," katanya.

Dr Mahathir memberitahu hadirin bahawa pembabitan Malaysia dalam badan antarabangsa membabitkan Selatan tidak menunjukkan bahawa ia merupakan hasrat atau niat Kuala Lumpur untuk berkonfrantasi dengan negara-negara maju.

"Apa yang sedang kami usahakan ialah sistem rundingan yang lebih adil dan membuat keputusan yang memberi pertimbangan sewajarnya kepada kepentingan kedua-dua negara membangun dan negara maju," katanya.

Dalam nada berlainan, Dr Mahathir berkata ahli perniagaan Malaysia akan digalakkan untuk melabur dalam industri pelancongan di St Lucia, kepulauan Caribbean yang beliau lawati pada 1991 dan 1999.

Beliau berkata universiti-universiti di Malaysia terutama yang mempunyai kepakaran dalam teknologi maklumat, akan dibuka kepada rakyat St Lucia.

"Saya yakin bahawa Malaysia boleh menawarkan golongan muda St Lucia persekitaran yang kondusif, mesra dan kompetitif bagi mereka melanjutkan pelajaran tinggi pada kadar yuran yang rendah dan kompetitif.

Dr Mahathir berkata melanjutkan pelajaran di Malaysia akan mendedahkan penduduk St Lucia kepada potensi ekonomi yang luas dan dinamik rantau Asia Timur.

Negara ini, katanya sedia bekerjasama dengan St Lucia di bawah Program Kerjasama Teknikal Kuala Lumpur.

Lawatan Dr Anthony yang termasuk kunjungan ke pulau lagenda Langkawi, berakhir Sabtu ini.

Dalam ucapan balasnya, Dr Anthony berkata St Lucia berminat mempelajari pengalaman pembangunan Malaysia serta berminat mengetahui lebih dekat mengenai pembangunan pertanian negara.

Beliau berkata negara berkenaan juga sedang mengambil langkah untuk mempelbagaikan ekonominya supaya tidak terlalu bergantung kepada eksport pisang dan pertanian.

Dr Anthony berkata satu bidang yang boleh dibangunkan ialah sektor pelancongan.

Beliau memuji Dr Mahathir yang mempunyai "keberanian dan bijaksanaan" dalam usahanya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

-- BERNAMA
SLR MAM LAT